

**MALAY A1 – STANDARD LEVEL – PAPER 1**  
**MALAIS A1 – NIVEAU MOYEN – ÉPREUVE 1**  
**MALAYO A1 – NIVEL MEDIO – PRUEBA 1**

Monday 19 May 2003 (morning)  
Lundi 19 mai 2003 (matin)  
Lunes 19 de mayo de 2003 (mañana)

1 hour 30 minutes / 1 heure 30 minutes / 1 hora 30 minutos

---

**INSTRUCTIONS TO CANDIDATES**

- Do not open this examination paper until instructed to do so.
- Write a commentary on one passage only. It is not compulsory for you to respond directly to the guiding questions provided. However, you may use them if you wish.

**INSTRUCTIONS DESTINÉES AUX CANDIDATS**

- Ne pas ouvrir cette épreuve avant d'y être autorisé.
- Rédiger un commentaire sur un seul des passages. Le commentaire ne doit pas nécessairement répondre aux questions d'orientation fournies. Vous pouvez toutefois les utiliser si vous le désirez.

**INSTRUCCIONES PARA LOS ALUMNOS**

- No abra esta prueba hasta que se lo autoricen.
- Escriba un comentario sobre un solo fragmento. No es obligatorio responder directamente a las preguntas que se ofrecen a modo de guía. Sin embargo, puede usarlas si lo desea.

Tulis sebuah ulasan mengenai **satu** daripada petikan-petikan berikut:

1. (a)

5 Mereka meninggalkan tempat itu hampir dua puluh minit lagi menjelang 29 tahun usia Malaysia. Kakanda pasti mereka akan ke Dataran Merdeka kerana sebelum itu teman-teman si gadis berbaju kebarung bercerita perihal konsert Merdekarama di situ. Kakanda ekori mereka melintasi Dataran Merdeka, mereka tidak menghentikan perjalanan  
5 cuma memperlahankan kenderaan, melihat manusia bertali arus di padang terbentang.

10 Kenderaan mereka menuju ke satu destinasi yang juga ramai manusianya. Mereka mengisi perut yang lapar. Hampir sejam mereka di situ. Tidak termasuk setengah jam bergurau senda di tempat letak kereta. Mereka memang rakan-rakan yang sejiwa. Yang sentiasa berbaik-baik dan memahami antara satu sama lain. Kakanda terharu dengan  
10 gelagat mereka. Kakanda juga pernah begitu, suatu ketika dulu. Jebat, Kasturi, Lekir dan Lekiu, kawan terbaik yang pernah kakanda miliki. Kami lima bersaudara, begitu juga dengan mereka.

Adinda Teja,

15 Mereka mengingatkan kakanda kepada kenangan silam. Kepada sejarah yang telah kita tinggalkan beratus tahun lamanya. Mereka kini cuba mencipta sejarah. Cuma, yang tidak kita pastikan, akhirnya sejarah yang sedang mereka lalui kini.

20 Harapnya, perjalanan mereka menempuh hidup lebih sempurna daripada apa yang pernah kakanda lalui sebelum ini. Membiarkan Adinda Jebat terkulai layu dengan darah merah mengalir setiap sudut urat saratnya, setiap inci bumi Melaka merupakan dosa yang tidak pernah terampun. Kadang-kadang kakanda ingin sahaja menterbalikkan sejarah itu. Namun, terampunkah dosa kepada Adinda Jebat? Hanya Allah yang Maha Mengetahui.

Adinda Teja,

25 Si gadis berbaju kebarung dan teman-teman sedikit nakal. Selepas mengisi perut, mereka menyusur sebuah taman yang menempatkan tugu pejuang negara. Mereka sebenarnya mahu meneropong kehidupan malam teman-teman sebaya mereka. Semalaman mereka tidak melelapkan mata. Mereka bercerita dan terus bercerita. Agenda mereka seperti tidak pernah selesai. Kakanda yang duduk di kerusi hanya tersenyum melihat gelagat mereka yang nakal. Merekalah pewaris yang kita harapkan. Dalam kenakalan mereka rupanya banyak hasrat yang menggunung.

30 Adinda Teja,

Mata yang degil untuk beradu itu memberi kesempatan kepada mereka untuk berlakon. Mereka mula menghafal skrip dan membawakan watak masing-masing. Lucu sekali aksi mereka. Memang mereka menghiburkan. Telah terlalu lama kakanda tidak merasakan kelucuan sebegitu. Kasihan adinda Teja, si gadis berbaju kebarung diberikan peranan  
35 sebagai perempuan penggoda.

40 Terfikir oleh kakanda, wajarkah watak itu diamanahkan kepada sigadis berbaju kebarung yang sebegitu bersopan. Nyata, telahan kakanda songsang. Si gadis berbaju kebarung memainkan peranannya dengan gemilang. Menggeleng kakanda. Dia memang menakjubkan. Dia pelakon yang berkebolehan. Cuma, kakanda bimbang, adakah baju kebarungnya juga sebuah lakonan.

Berulang kali kakanda mudar-mandir di persekitaran mereka. Kakanda mendengar mereka menyanyi. Kakanda mendengar suara si gadis berbaju kebarung menidurkan temannya dengan lagu bangsawan. Kakanda dengar semua itu tetapi fikiran kakanda semakin tidak sempurna. Kakanda memandang tepat ke wajah si gadis itu. Kakanda cuba  
45 buangkan segala prasangka. Dari wajah itu kakanda melihat kejernihan, kemuliaan dan keikhlasan. Kakanda duduk seketika di kerusi.

Kakanda meninggalkan mereka ketika mata mereka mula layu. Ketika jam di dinding mencecah denting empat kali. Sebelum menutup pintu kakanda terdengar temannya memanggil si gadis berbaju kebarung dengan panggilan puteri. Ketika kakanda menoleh  
50 seketika ke wajahnya yang tersipu letih, kakanda seperti melihat sebuah kenangan.

Adinda Teja,

Biarlah mereka berehat. Akan kakanda ikuti mereka lagi. Kakanda mula menyayangi mereka seperti anak sendiri. Merekalah puteri-puteri yang kita tinggalkan dulu.

Disesuaikan dari  
Sirodamosa, “Warkah Buat Teja III,”  
*Mingguan Malaysia* (8 September 1996)

- Pada pendapat kamu siapakah narator dalam petikan di atas dan apakah alasan kamu?
- Kenapakah narator begitu tertarik kepada watak gadis berbaju kebarung?
- Pada pendapat kamu apakah persoalan-persoalan yang ingin dibangkitkan dalam cerpen ini?
- Bincangkan teknik penulisan yang digunakan oleh penulis dalam petikan di atas?

1. (b)

**MERDEKA: SEBUAH LAYANG-LAYANG**

Merdeka: sebuah layang-layang  
yang terbang mengambang  
terapung pada dada langit mengembang  
di sini destinasi cuma segulung benang.

- 5 Pelayang ghairah bermain angin  
menerbangkan mimpi  
mengejar pelangi ...  
sesayup pandangan mata yang tersilau  
di kelam kabut duka
- 10 bias sejarah anak bangsa  
bungkam bisu seribu bahasa  
lidah bangsaku semakin kelu.  
    Aku pelayang tua temangu di hujung jalan  
    dengan segulung benang di tangan.

II

- 15 Layang-layang kita yang terumbang  
melayang kehilangan imbang  
tenggelam di awan hitam;  
sejarah panjang yang gemilang  
terbinanya sebuah layang-layang
- 20 regang rangkanya aur dari tebing bangsa  
diraut lembut dengan belati jatidiri  
didandan awan larat tekat kerawang  
dihias warna kesumba darah hulubalang  
ditimbang teraju emas sesaga dari Istana.
- 25     Dan terbang layangku setinggi mimpi  
    bebas seluas langit tanpa tepi  
    bermain angin meniti hari.

III

- Atas sebuah kemerdekaan  
layangku masih di langit
- 30 ribut dilema baru menyerang sengit;  
sayapnya robek  
kemudinya carik  
terajunya berpelin  
paruhnya patah.
- 35     Layang-layangku parah  
    angin tenggara semakin ganas  
    aku, pelayang tua yang cemas  
    bila benang hampir putus  
    sedang kuasa semakin pupus.

Ibrahim Ghaffar, *Berita Minggu* (25 Ogos 2002)

- Apakah persoalan yang dikemukakan dalam sajak di atas?
  - Selain kemerdekaan, apakah lagi maksud penyajak dengan perkataan “layang-layang”?
  - Beri pendapat kamu tentang perlambangan yang digunakan penyajak.
  - Nyatakan kesan yang anda perolehi setelah membaca bahagian II sajak ini.
-